



ANGGOTA polis memeriksa mangsa yang maut ditempat kejadian selepas merempuh lori.

Motor rempuh belakang lori

■ Lelaki maut langgar kenderaan berhenti di bahu jalan

Oleh Mohamad Hussin
mohamad@hmetro.com.my
Pokok Sena

Seorang lelaki maut apabila motosikal jenis Demak yang ditunggangnya merempuh belakang lori tanpa muatan milik syarikat Environment Idaman Sdn Bhd (E-Idaman), yang diletakkan di bahu jalan di Batu 10, Jabi, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 12.15 tengah hari, mangsa yang belum dikenal pasti identiti berusia 30-an dikatakan dalam perjalanan ke Alor Setar maut di tempat kejadian dipercayai akibat kecederaan parah di kepala.

Pemandu lori E-Idaman, Hassan Ismail, 50, berkata sebelum kejadian, dia singgah ke sebuah restoran berhampiran untuk makan tengah hari dan dikejutkan apabila terdengar

bunyi dentuman kuat.

Katanya, dia dan seorang rakan sekerja bergegas melihat sebelum mendapati seorang lelaki sudah terbujur kaku di bahagian belakang lori itu dalam keadaan berlumuran darah.

"Saya memberhentikan lori di bahu jalan tanpa menghalang lalu lintas, namun tidak sangka pula ia menyebabkan berlakunya kemalangan hingga

meragut nyawa mangsa.

"Malah, saya mendapati mangsa tidak memakai topi keledar kerana ia diletakkan dalam raga motosikal berkenaan," katanya ketika ditemui, di sini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Adzaman Md Jan ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan.

"Polis masih belum mengenal pasti identiti mangsa dan mayat mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) untuk bedah siasat," katanya ketika dihubungi, semalam.



ANGGOTA polis
mengangkut mayat
mangsa